

22 AUG 1997

Mahathir-Soros

DR MAHATHIR BIDAS AMERIKA BERHUBUNG JADIKAN SOROS PENJENAYAH

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Amerika Syarikat kerana tidak mahu menganggap serangan spekulator tukaran wang George Soros terhadap mata wang negara-negara Asean termasuk Malaysia sebagai satu jenayah.

"Amerika Syarikat tidak menganggap Soros penjenayah sebab ia tidak menjadi mangsanya," kata Perdana Menteri.

"Kita yang jadi mangsa dan jika kita diam, ia akan terus dihalalkan oleh Amerika Syarikat," katanya semasa sesi dialog dengan peserta persidangan serantau "Menghadapi Abad ke-21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau," di Institut Kefahaman Islam (Ikim) di sini.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan negara-negara yang mata wangnya terjejas akan berusaha mengambil tindakan menjadikan perbuatan Soros itu satu jenayah kerana kesannya yang merugikan banyak orang miskin yang menjadi mangsanya.

Sebelum ini Perdana Menteri telah menamakan Soros sebagai orang yang bertanggungjawab dalam serangan spekulasi terhadap mata wang Ringgit, Baht, Peso dan Rupiah.

Dr Mahathir berkata Malaysia dengan kerjasama negara-negara lain akan berusaha mengatasi masalah itu dan menjadikan kegiatan seperti yang dilakukan oleh Soros sebagai jenayah antarabangsa.

"Jika kita anggap perbuatan Soros itu satu jenayah, kita boleh ambil tindakan. Kita yang menjadi mangsa Soros harus berkerjasama mengatasinya dan menjadikan perbuatan Soros itu jenayah," katanya.

Dr Mahathir berkata di Amerika Syarikat, suatu ketika dahulu penguasaan terhadap sesuatu perniagaan dianggap tidak salah sehingga seorang ahli perniagaan, John Davidson Rockefeller, menguasai perniagaan minyak dan menentukan harga minyak hingga dia menjadi kaya raya.

Akibatnya banyak syarikat kecil yang gulung tikar dan ramai rakyat menderita kerana harga minyak mahal.

Katanya, kerajaan Amerika Syarikat berpendapat walaupun ketika itu perbuatan itu tidak salah tetapi ia harus dijadikan satu jenayah.

Akhirnya kerajaan Amerika Syarikat terpaksa menggubal satu undang-undang yang digelar "anti trust law" yang memecahkan monopoli Rockefeller dalam bidang minyak.

Jutawan Rockefeller, yang mempunyai banyak yayasan atas namanya, meninggal dunia pada tahun 1937.

Dr Mahathir berkata perbuatan Soros menjejaskan 10 peratus ekonomi negara ini sementara di Indonesia sebanyak 20 peratus.

"Kita akui kita ada cukup alat untuk buat apa yang dibuat Soros terhadap orang lain tetapi kita tidak cekap buat seperti itu," katanya.

"Kita ada orang yang mempunyai wang lebih banyak daripada Soros tapi tak tahu buat seperti Soros menaik dan menurunkan mata wang. Kita boleh belajar tapi...yang pandai tak ada duit, yang ada duit tak pandai," katanya.

"Kita tidak mahu menjadi penjenayah seperti Soros. Kita nak haramkannya terutamanya dalam dunia yang pasaran sudah dibuka dan sempadan yang tidak dapat jadi benteng lagi untuk mempertahankan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kita ada cara sendiri mengatasi masalah ini dan saya yakin kita boleh mencapai tujuannya walau apa jua pun."

-- BERNAMA

ARA NMO

